

Graduan gembira terima Anugerah Akademik Diraja

Larissa Lumandan dan Rayner Majantim DE 24.11.2014 6

KOTA KINABALU: Penerima-penerima Anugerah Akademik Diraja sangat gembira selepas menerima anugerah masing-masing semasa Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) Ke-16 di sini pada Sabtu.

“Saya sangat bangga untuk menerima anugerah ini dan nam-paknya segala kerja keras saya berbaloi,” kata Kimberly Yap Chun Yeng yang menerima anugerah kategori bukan bumiputera.

“Saya bersorak ketika mendapat tahu bahawa saya menerima anugerah itu melalui emel. Saya tahu bahawa saya dipilih sebagai salah seorang calon tetapi saya tidak tahu bahawa saya bakal menerima anugerah. Ia satu kejutan yang menyeronokkan,” katanya.

Dia turut menyatakan harapan untuk mencapai kecemerlangan dalam kerjaya dan apabila ditanya sama ada dia berhasrat untuk melanjutkan pendidikan Yap berkata, dia merancang untuk mengambil ijazah sarjana dalam masa terdekat.

“Saya ingin meneruskan pengajian dalam Perhubungan Antarabangsa di United Kingdom jika mendapat biasiswa, tetapi jika

tidak, saya tidak kisah untuk melanjutkan pengajian saya di Malaysia,” katanya.

Seorang lagi penerima untuk kategori bumiputera, Muhamad Yusuf Mohd Sobery turut menyatakan kegembiraannya untuk menerima hadiah.

“Pada mulanya, ibu bapa saya tidak memahami apakah anugerah itu, tetapi akhirnya mereka faham, mereka sangat bangga dan gembira dengan saya,” katanya.

Yusuf yang mengambil pengajian psikologi industri dan organisasi berkata, dia sedang menunggu tajaan daripada UMS untuk meneruskan pengajiannya dalam program sama-sama ada di Australia atau United Kingdom.

Pelajar berusia 22 tahun dari Kedah itu turut menjelaskan keputusannya untuk belajar di UMS.

“UMS merupakan pilihan pertama saya untuk belajar kerana saya mahukan pengalaman baharu, pengetahuan baharu, budaya dan persekitaran baharu,” katanya.

“Bidang psikologi sudah diketahui secara meluas di luar negara tetapi tidak di Malaysia.

“Jika diberikan peluang, saya ingin terus belajar dalam bidang ini secara mendalam dan berharap untuk menyumbang dalam pembangunan bidang ini di Malaysia,” katanya.



YUSUF dan Yap menunjukkan pingat dan anugerah selepas majlis pada Sabtu.

Yusuf yang sekarang ini bekerja di syarikat perekrutan kerja turut menasihatkan mereka yang sekarang ini masih belajar untuk memperlengkap diri masing-masing kerana hidup penuh dengan cabaran.

“Jangan sia-siakan masa ketika belajar di universiti. Nikmatilah kehidupan sebagai pelajar dan rebutlah apa saja yang kamu perlukan pada masa depan,” katanya.